

## Topik 17: Mesias dalam Nubuatan dan Perjanjian Kekal, Bahagian I

---

Dalam tulisan para nabi yang dikongsi oleh umat Muslim, Israel, dan Kristian, perkataan “Mesias” hanya didapati di dalam buku Daniel 9. Ini sangat menghairankan kerana orang Israel masih lagi menunggu kedatangan Mesias untuk pertama kalinya sehingga kini. Tidakkah mereka membaca akan nubuatan yang menerangkan bila Mesias akan datang? Sangat jelas, Mesias datang 2000 tahun yang lalu, iaitu lima abad selepas zaman pemerintahan Persia bermula untuk membina semula khemah suci di Jerusalem. Inilah yang diajar oleh Daniel di dalam nubuatannya.

Walaupun hanya Daniel yang menggunakan perkataan “Mesiah” sebelum kedatangan-Nya di dunia ini, nabi lain ada menulis tentang Yesus menggunakan perkataan lain.

Musa adalah nabi yang pertama yang menulis tentang Yesus. Dia memberitahu bahawa pada masa akan datang, ada seorang lagi nabi yang akan bangkit sama seperti dia. Kita harus mengambil perhatian tentang apa yang telah dikatakan oleh nabi Musa. Musa menambah bahawa nabi itu akan bangkit diantara bangsa Israel.

*TUHAN, Allahmu, akan membangkitkan seorang nabi kepadamu dari antara saudaramu, dan dia akan sepertiku. Kamu harus mendengarkan dia, Aku akan membangkitkan bagi mereka seorang nabi sepertimu dari tengah-tengahmu sendiri. Aku akan menaruh firman-Ku dalam mulut-Nya, dan dia akan berkata kepada mereka segala yang Kuperintahkan kepadanya. (Ulangan 18:15,18)*

Yesus mengetahui rencana penyelamatannya, dan ayat diatas benar-benar menyatakan kepadanya.

*Apakah kamu tidak percaya bahwa Aku di dalam Bapa dan Bapa di dalam Aku? Perkataan-perkataan yang Aku katakan kepadamu, Aku tidak mengatakannya dari diri-Ku sendiri, tetapi Bapa yang tinggal di dalam Akulah yang melakukan pekerjaan-Nya. (Yohanes 14:10)*

Kita telah mempelajari sedikit sebanyak tentang khemah suci Israel dan bagaimana Mesias dilambangkan sebagai anak domba untuk dijadikan sebagai korban bakaran. Tetapi

beberapa lama sebelum Musa membuat khemah suci itu, Adam dan Abel mempersembahkan korban bakaran sebagai lambang bahawa kita memerlukan Juruselamat. Akan tetapi, abang Abel iaitu Kain, ditolak Allah kerana persembahan korban bakarannya tidak melambangkan Mesias- dia mempersembahkan korban bakaran yang tidak mempunyai darah.

Yohanes Pembaptis menghubungkan korban bakaran itu dengan Yesus. Apabila dia melihat Yesus datang menghampirinya, dia berkata:

*Pada keesokan harinya Yohanes melihat Yesus datang kepadanya dan ia berkata: "Lihatlah Anak domba Allah, yang menghapus dosa dunia. Dialah yang kumaksud ketika kukatakan: Kemudian dari padaku akan datang seorang, yang telah mendahului aku, sebab Dia telah ada sebelum aku. Dan aku sendiripun mula-mula tidak mengenal Dia, tetapi untuk itulah aku datang dan membaptis dengan air, supaya Ia dinyatakan kepada Israel." (Yohanes 1:29- 31)*

Yohanes bukanlah nabi yang pertama yang menyebut Yesus sebagai "domba." Yesaya juga mengatakan perkara yang sama beberapa abad sebelum itu. Allah menyatakan kepada Yesaya bahawa tidak ramai orang Israel akan menerima mesej Juruselamat pada masa akan datang.

Walaupun begitu, Juruselamat masih lagi setia untuk datang dan berkorban demi menyelamatkan manusia dari dosa. Apabila Dia harus berhadapan dengan kematian, Dia tidak mengeluh seperti domba yang dibawa ke pembantaian.

*Siapakah yang percaya kepada berita yang kami dengar, dan kepada siapakah tangan kekuasaan TUHAN dinyatakan? Sebagai taruk ia tumbuh di hadapan TUHAN dan sebagai tunas dari tanah kering. Ia tidak tampan dan semaraknyapun tidak ada sehingga kita memandangi dia, dan rupapun tidak, sehingga kita menginginkannya. Ia dihina dan dihindari orang, seorang yang penuh kesengsaraan dan yang biasa menderita kesakitan; ia sangat dihina, sehingga orang menutup mukanya terhadap dia dan bagi kitapun dia tidak masuk hitungan.\*\* Tetapi sesungguhnya, penyakit kitalah yang ditanggungnya, dan kesengsaraan kita yang dipikulnya, padahal kita mengira dia kena tular, dipukul dan ditindas Allah. Tetapi dia tertikam oleh karena pemberontakan kita, dia diremukkan oleh karena kejahatan kita; ganjaran yang mendatangkan keselamatan bagi kita ditimpakan kepadanya, dan oleh bilur-bilurnya kita menjadi sembuh. Kita sekalian sesat seperti domba, masing-masing kita mengambil jalannya sendiri, tetapi TUHAN telah menimpakan kepadanya kejahatan kita sekalian. \*\* Dia dianiaya, tetapi dia membiarkan diri ditindas dan tidak membuka mulutnya seperti anak domba yang dibawa ke pembantaian ; seperti induk domba yang kelu di depan orang-orang yang menggunting bulunya, ia tidak membuka mulutnya. \*\* Sesudah penahanan dan penghukuman ia terambil,*

*dan tentang nasibnya siapakah yang memikirkannya? Sungguh, ia terputus dari negeri orang-orang hidup, dan karena pemberontakan umat-Ku ia kena tula. Orang menempatkan kuburnya di antara orang-orang fasik, dan dalam matinya ia ada di antara penjahat-penjahat, sekalipun ia tidak berbuat kekerasan dan tipu tidak ada dalam mulutnya. Tetapi TUHAN berkehendak meremukkan dia dengan kesakitan. Apabila ia menyerahkan dirinya sebagai korban penebus salah, ia akan melihat keturunannya, umurnya akan lanjut, dan kehendak TUHAN akan terlaksana olehnya. (Yesaya 53:1-11)*

Apa yang telah kita pelajari dari Musa, Yesaya dan Yohanes Pembaptis adalah Mesias mempunyai kuasa dari syurga dan akan lahir ke dunia ini dari keturunan Israel dan akan memikul dosa manusia di dunia ini. Dia akan menderita untuk menggantikan tempat bagi kita. Dengan itu, marilah kita membalas kasih-Nya dengan kebaikan.

This leads us back to what the book of Daniel said the Messiah would do. For seven years, Gabriel explained, the Messiah would help Jews take advantage of the covenant. (That was ironic since the Jews thought they would benefit automatically from the covenant. That is one reason that their time of being God's special people came to an end. They would not accept His help.)

Ini membawa kita kepada buku Daniel tentang apa yang dia terangkan mengenai tindakan Mesias. Dalam Tujuh tahun, Malaikat Jibril menjelaskan bahawa Mesias akan menolong bangsa Israel untuk mendapatkan kebaikan perjanjian itu. (Sangat menghairankan kerana Orang Israel fikir bahawa mereka mendapat berkat perjanjian itu secara automatic padahal tidak begitu. Disebabkan pemikiran mereka seperti itulah mereka bukan lagi dijadikan sebagai umat pilihan Allah kerana mereka tidak bersyukur dengan pertolongan Mesias. )

*Raja itu akan membuat perjanjian dengan banyak orang selama satu minggu, dan pada pertengahan minggu Dia akan mengakhiri persembahan kurban dan persembahan sajian... (Daniel 9:27)*

Dalam siri yang seterusnya, kita akan lihat tentang perjanjian yang Allah buat dengan umat setia- Nya. Oleh kerana sebahagian dari umat Allah yang baik terdiri daripada orang Melayu, kita akan belajar tentang perjanjian yang Allah telah berikan kepada orang Melayu pada siri yang seterusnya.